



**PERJANJIAN CUTI BELAJAR BAGI TUTOR DA41  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

**PERJANJIAN** ini dibuat pada..... haribulan.....200..

**DI ANTARA**

**UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**, sebuah institusi pengajian tinggi dan badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Perintah Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perbadanan) 1997 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan beralamat di Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak Darul Ridzuan (kemudian daripada ini disebut “Universiti”);

**DAN**

.....  
No. Kad Pengenalan.....beralamat di .....

.....  
(kemudian ini disebut “pegawai”)

BAHAWASANYA:-

- A. Universiti telah, melalui Surat Tawaran bertarikh ..... rujukan .....(kemudian daripada ini disebut “Surat Tawaran”) bersetuju menawarkan jawatan Tutor Gred DA41 (selepas ini disebut sebagai ‘jawatan tersebut’) kepada pegawai.
- B. Pegawai bersetuju untuk menerima tawaran jawatan yang ditawarkan dengan syarat-syarat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini.
- C. Universiti bersetuju membenarkan pegawai mengikuti pengajian di peringkat Ijazah Sarjana atau Ijazah Doktor Falsafah dan pegawai akan mengikuti pengajian dalam bidang yang telah dipersetujui oleh Universiti..

MAKA ADALAH dengan ini dipersetujui oleh semua pihak seperti berikut:-

- 1. Sebagai balasan kepada perkara-perkara yang tersebut di atas, Universiti dengan ini bersetuju membayar emolument bulanan kepada pegawai mengikut kelayakan dan syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perjanjian ini.
- 2. Pegawai dengan ini bersetuju dan mengakui seperti berikut:
  - a. Sebagai balasan kepada Universiti menawarkan jawatan tersebut seperti yang terkandung di dalam Surat Tawaran, Pegawai bersetuju dan mengakujaji akan bertanggungjawab sepenuhnya kepada Universiti untuk segala

kehilangan dan kerugian sekiranya berlaku kemungkiran mana-mana terma dan/atau syarat Perjanjian ini oleh pegawai.

- b. Salinan Surat Tawaran telah dibaca oleh pegawai dan Surat Tawaran tersebut hendaklah dibaca bersama dan menjadi sebahagian daripada Perjanjian ini.
- c. Pegawai bersetuju untuk menerima terma-terma dan syarat-syarat yang ditetapkan oleh Universiti dan sebarang perubahan yang akan dibuat terhadapnya mengikut budi bicara Universiti tanpa terlebih dahulu mendapat persetujuan pegawai berhubung perubahan tersebut.
- d. Pegawai akan mengikuti dan menyempurnakan pengajiannya di dalam tempoh yang dipersetujui oleh Universiti dan/atau tempoh lanjutan masa yang diluluskan oleh Universiti mengikut budi bicaranya yang mutlak.
- e. Pegawai dikehendaki melapor diri untuk bertugas di Universiti pada tarikh yang ditetapkan oleh Universiti selepas menyempurnakan pengajian atau sebelum menyempurnakan pengajiannya apabila diarahkan sedemikian oleh Universiti.
- f. Setelah menamatkan pengajian dengan jayanya, pegawai akan berkhidmat dengan Universiti di dalam suatu jawatan yang bersesuaian dengan kelulusan yang diperolehi oleh pegawai untuk suatu tempoh yang tidak kurang dari ..... (.....) tahun. Tempoh tersebut akan bermula dari tarikh pegawai melapor diri untuk bertugas di Universiti dan akan dibayar gaji selaras dengan

skala gaji jawatan yang dilantik yang sedang berkuatkuasa pada masa tersebut. Tempoh kontrak ini mestilah dipenuhi dengan sepenuhnya. Sekiranya Universiti tidak memerlukan perkhidmatan pegawai selepas pegawai menamatkan pengajiannya, Universiti boleh melepaskan pegawai tanpa memerlukan pegawai berkhidmat dengan Universiti dan pegawai mengakui bahawa pegawai tidak akan mempunyai sebarang hak atau tuntutan terhadap Universiti.

- g. Pada tarikh Perjanjian ini, Pegawai berkhidmat dengan Universiti dan adalah tertakluk kepada Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Akta 605 dan pindaan atau pindaan-pindaannya
- h. Pada sepanjang tempoh pengajian yang diluluskan oleh Universiti, pegawai tidak akan mengambil bahagian di dalam apa-apa aktiviti dan/atau kegiatan yang pada pendapat Universiti adalah tidak berfaedah kepada pegawai dan/atau pengajiannya dan pegawai akan berhenti dengan serta-merta daripada mengambil bahagian selanjutnya di dalam aktiviti dan/atau kegiatan tersebut apabila diarahkan berbuat demikian oleh Universiti.
- i. Pada sepanjang tempoh pengajian yang diluluskan, pegawai tidak dibenarkan meninggalkan Universiti di mana pengajian diikuti melainkan mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Universiti.
- j. Pegawai tidak akan menyediakan atau mengedarkan dengan apa-apa cara, atau mengambil apa jua bahagian dalam menyediakan atau mengedarkan, sesuatu

penghasutan atau tunjuk perasaan di mana-mana tempat oleh apa-apa pertubuhan, badan atau kumpulan orang, di mana penghasutan atau tunjuk perasaan tersebut adalah pada pendapat Universiti, memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu Institusi Pendidikan.

- k. Pegawai tidak akan menyediakan, mencetak, mengedarkan atau mengambil bahagian dengan apa-apa cara dalam menyediakan, mencetak, atau mengedarkan apa-apa dokumen atau bahan yang, pada pendapat Universiti, adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu Institusi Pendidikan.
  - l. Pegawai tidak akan membuat apa-apa kenyataan di sesuatu perhimpunan mana-mana kumpulan orang di mana-mana tempat yang ada pendapat Universiti adalah memudaratkan kepentingan Malaysia atau sesuatu Institusi Pendidikan.
3. Pegawai dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa jika pegawai, pada bila-bila masa di dalam tempoh pengajiannya telah melakukan perkara-perkara seperti berikut:-
- a. Telah pada pendapat Universiti berkelakuan secara yang menjatuhkan nama baik pegawai atau Universiti atau negara Malaysia atau gabungannya atau gabungan-gabungannya;
  - b. Kemajuan atau pengendalian pegawai terhadap pengajiannya adalah, pada pendapat Universiti sebagai tidak memuaskan;

- c. Meninggalkan pengajian sebelum menyempurnakan pengajiannya, tanpa persetujuan Universiti;
- d. Menukar pengajian, peringkat pengajian, bidang pengajian, tempoh pengajian dan/atau penyelia pengajian tanpa persetujuan Universiti;
- e. Pegawai berhenti daripada atau meletak jawatan di dalam perkhidmatan Universiti sebelum tamat tempoh seperti yang tercatat di dalam fasal 2 (f);
- f. Disingkirkan daripada perkhidmatan Universiti akibat sebarang sebab di dalam masa tempoh yang pegawai telah setuju berkhidmat di bawah fasal 2 (f) di dalam Perjanjian;
- g. Enggan atau oleh kerana salah lakunya sendiri menjadikan pegawai, pada pendapat Universiti, tidak sesuai untuk berkhidmat atau terus berkhidmat dengan Universiti menurut fasal 2 (f) di dalam Perjanjian ini;
- h. Disabitkan melanggar undang-undang dan/atau peraturan Universiti;
- i. Pegawai, pada pendapat Universiti, cuai terhadap atau tidak mengendahkan pengajiannya;
- j. Pegawai, pada pendapat Universiti, gagal menunjukkan prestasi yang baik di dalam pengajiannya;

- k. Pegawai terlibat dengan aktiviti politik atau aktiviti-aktiviti lain termasuk yang mendatangkan hasil pendapatan yang mana pada pendapat Universiti tidak selaras dengan tujuan dan kehendak pengajian;
- l. Pegawai disingkirkan dari menjalani pengajiannya di Universiti di mana pengajian diikuti;
- m. Pegawai tidak sihat daripada segi mental dan/atau fizikal sehingga menjejaskan pengajiannya;
- n. Pegawai gagal memperolehi Ijazah Sarjana atau Ijazah Dotor Falsafah bagi pengajian yang telah diikuti di dalam tempoh masa yang ditetapkan atau tempoh masa seperti yang telah dilanjutkan oleh Universiti;
- o. Pegawai meninggalkan perkhidmatan Universiti sebelum tamat tempoh kontrak dengan Universiti; atau
- p. Pegawai menarik diri dari pengajiannya di Universiti di mana pengajian diikuti,

Maka Universiti atas budi bicaranya yang mutlak berhak menamatkan Perjanjian ini dan pegawai tidak berhak membuat sebarang tuntutan gantirugi terhadap Universiti akibat daripada penamatan Perjanjian serta pegawai juga tidak berhak kepada sebarang faedah di bawah Perjanjian ini. Penamatan ini adalah tanpa menjejaskan hak-hak Universiti di bawah Perjanjian ini.

4. Pegawai dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa jika pegawai melakukan sebarang pelanggaran dan/atau pemecahan syarat seperti yang dinyatakan di fasal 3 Perjanjian ini yang mengakibatkan Perjanjian ini ditamatkan oleh Universiti, maka, pegawai adalah bertanggungjawab untuk membayar ganti rugi kepada Universiti seperti yang ditetapkan di dalam Jadual.
  
5. Pegawai dengan ini bersetuju dan mengakui bahawa jumlah wang yang dinyatakan di fasal 4 di atas hendaklah dibayar balik kepada Universiti di dalam tempoh masa satu (1) bulan dari tarikh tuntutan dibuat oleh Universiti terhadap pegawai. Pegawai juga bersetuju dan mengakui bahawa jika pegawai gagal, enggan dan/atau cuai untuk membayar balik kepada Universiti jumlah wang yang dinyatakan di dalam fasal 4 di atas di dalam tempoh masa satu (1) bulan dari tarikh tuntutan dibuat oleh Universiti terhadap pegawai, maka jumlah wang tersebut akan dituntut oleh Universiti dengan apa cara sekalipun sebagai hutang pegawai kepada Universiti.
  
6. Walau apa pun yang berlawanan dengan yang terkandung di atas, Universiti, boleh, dengan memberi satu (1) bulan notis secara bertulis kepada pegawai, menamatkan Perjanjian ini pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya yang mutlak dan tanpa memberikan apa-apa sebab. Di dalam hal keadaan tersebut, segala hak dan tanggungjawab pegawai di bawah Perjanjian ini hendaklah terhenti. Pegawai juga bersetuju dan mengakui bahawa keputusan Universiti di dalam hal ini adalah muktamad dan tidak tertakluk kepada kajian semula dalam sebarang bentuk.



7. Perjanjian ini akan dikawal dan ditafsirkan berdasarkan undang-undang yang terpakai di Malaysia dan pihak-pihak kepada perjanjian ini bersetuju untuk menyerahkan kepada bidangkuasa eksklusif mahkamah di Malaysia.
8. Masa adalah intipati perjanjian ini.
9. Perjanjian ini akan mengikat semua wakil diri, wasi, pentadbir harta pusaka pegawai dan penerima hak dan pengganti universiti.
10. Pegawai dengan ini mengakui bahawa pegawai telah membaca peruntukkan-peruntukkan Perjanjian ini dan memahami serta bersetuju dengan peruntukkan-peruntukkan tersebut.
11. Pegawai juga bersetuju dan mengakui bahawa pegawai telah dinasihatkan oleh Universiti untuk memperolehi nasihat perundangan secara berasingan berhubung dengan kesan dan akibat Perjanjian ini dan pegawai mengakui bahawa peruntukkan-peruntukkan Perjanjian ini adalah mengikat samada atau tidak pegawai telah mendapatkan nasihat perundangan tersebut.
12. Tiada kelonggaran kelambatan oleh Universiti di dalam menguatkuasakan haknya di bawah terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini akan memprasangkakan, memberikan kesan atau menghadkan hak dan kuasa Universiti di bawah Perjanjian ini dan tiada sebarang pengenehan oleh Universiti berhubung sebarang pelanggaran

terma-terma dan syarat-syarat Perjanjian ini akan berkesan sebagai pengenehan sebarang pelanggaran berikutnya atau pelanggaran yang berterusan.

13. Semua lampiran kepada Perjanjian ini adalah merupakan bahagian penting Perjanjian ini dan akan dibaca sebagai sebahagian daripada Perjanjian ini.
14. Setiap peruntukkan di dalam Perjanjian ini boleh diasingkan dan berbeza di antara satu sama lain dan jika mana-mana peruntukkan atau sebahagian daripada peruntukkan di dalam Perjanjian ini adalah didapati tidak dapat dikuatkuasakan tidak sah atau tidak berkuat kuasa, peruntukkan tersebut adalah dianggap sebagai terbatal dan peruntukkan-peruntukkan lain Perjanjian ini akan dianggap sebagai masih berkesan dan dikuatkuasakan.
15. Penyampaian dan penyerahan sebarang notis dan/atau proses undang-undang dalam sebarang bentuk dan format yang perlu diserahkan menurut peruntukkan di dalam Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi, 1980 atau Kaedah-Kaedah Mahkamah Rendah 1980 boleh dilaksanakan dengan menghantar secara pos biasa atau pos berdaftar kepada alamat yang dinyatakan di dalam Perjanjian ini dan akan dianggap sebagai telah diserahkan secara sempurna setelah tamat tempoh tiga (3) hari dari tarikh ia diposkan. Pegawai bersetuju bahawa sebarang pertukaran alamat pegawai hanya akan berkuatkuasa setelah notis mengenai penukaran alamatnya diberikan secara bertulis kepada Universiti.
16. Perjanjian ini akan mengikat semua wakil diri, wasi, pentadbir harta pusaka pegawai dan penerima hak dan pengganti Universiti.

17. Semua kos berhubung perjanjian ini termasuk duti setem akan ditanggung oleh pegawai. Jika tindakan undang-undang diambil oleh Universiti terhadap pegawai berdasarkan perjanjian ini, maka semua perbelanjaan dan kos, termasuk kos guaman di atas skala peguamcara-anak guam, yang berbangkit akan ditanggung oleh pegawai.

*~ruangan ini sengaja dibiarkan kosong~*

Pada menyaksikan hal-hal di atas pihak-pihak yang tersebut dalam perjanjian ini telah menurunkan di sini tandatangan dan meteri-meteri mereka pada haribulan dan tahun yang mula tertulis di atas.

DITANDATANGANI oleh )

)

PEGAWAI yang tersebut )

.....

Di hadapan-

.....

Nama Saksi: .....

No. K/P: .....

Jawatan: .....

DITANDATANGANI oleh )

Pendaftar bagi pihak UNIVERSITI )

PENDIDIKAN SULTAN IDRIS )

.....

Di hadapan-

.....

Nama Saksi: .....

No. K/P: .....

Jawatan: .....

## JADUAL

<p>1. 1. FASAL C</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- BUTIRAN PENGAJIAN</li></ul> <p>2. FASAL 2 (f)</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- TEMPOH IKATAN</li></ul> <p>3. FASAL 4</p> <ul style="list-style-type: none"><li>- JUMLAH GANTIRUGI</li></ul>	<ul style="list-style-type: none"><li>- <b>Nama Kursus:</b> .....</li><li>- <b>Tempat Kursus:</b> .....</li><li>- <b>Tarikh dan Tempoh Kursus:</b> .....</li> <li>- <b>Tempoh Ikatan:</b> .....</li> <li>- <b>Jumlah Gantirugi:</b> .....</li></ul>
---	---

**JUMLAH TUNTUTAN GANTIRUGI  
CUTI BELAJAR LAIN-LAIN KATEGORI\***

PEGAWAI	Tempoh Ikatan Perjanjian (Tahun)		Jumlah Gantirugi (Ringgit Malaysia)	
	Kursus Bukan Profesional	Kursus Profesional	Dalam Negeri (IPTA)	Luar Negeri dan IPTS
<b>a. Diploma / Ijazah Pertama</b>				
i. Tempoh pengajian 4 tahun atau kurang	4	6	RM 110,000.00	Kos sebenar
ii. Tempoh pengajian lebih dari 4 tahun	5	7	RM 130,000.00	Kos sebenar
<b>b. Sijil / Diploma Lepas Ijazah / Ijazah Lanjutan</b>				
i. Tempoh pengajian lebih 3 bulan hingga 1 tahun**	1	2	RM 25,000.00	Kos sebenar
ii. Tempoh pengajian lebih 1 tahun hingga 2 tahun	2	3	RM 50,000.00	Kos sebenar
iii. Tempoh pengajian lebih 2 tahun hingga 3 tahun	3	4	RM 60,000.00	Kos sebenar
iv. Tempoh pengajian lebih 3 tahun	4	5	RM 80,000.00	Kos sebenar

\* Meliputi Cuti Belajar Bergaji Penuh Tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Separuh Gaji, Cuti Belajar Separuh Gaji Tanpa Biasiswa, Cuti Belajar Tanpa Gaji Dengan Biasiswa dan Cuti Belajar Tanpa Gaji Tanpa Biasiswa.

\* Tempoh 3 bulan atau kurang tidak dikenakan ikatan perjanjian dan gantirugi.

\* Kursus profesional adalah merupakan kursus yang diiktiraf oleh badan-badan profesional seperti Lembaga Jurutera Malaysia, Institut Akauntan Malaysia, Institut Audit Negara dan lain-lain.